

Jakess perkenal sistem online

B.H 30/10/03 M/S 40

Kemudahan kesinambungan e-syariah bekal maklumat kepada pelanggan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruki@bharian.com.my

SHAHALAM: Sistem Online Jabatan (SOJ) kehakiman Syariah Negeri Selangor (Jakess) yang dilancarkan kelmarin, bakal memberikan maklumat lebih mudah dan segera kepada pelanggan dan orang ramai yang mempunyai urusan syariah yang dikendalikan mahkamah syariah di seluruh Selangor.

Kemudahan hasil kerjasama jabatan itu dengan Kerajaan Selangor pertama kali diguna pakai di Malaysia, adalah kesinambungan pelaksanaan sistem pengurusan kes mahkamah syariah atau e-syariah yang dimulakan pada 2003.

Ketua Hakim Syarie, Datuk Zohdi Toha, berkata SOJ dicetuskan dari semangat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dengan memberikan maklumat yang dikehendaki di hujung jari.

Katanya, kemudahan terminal SOJ kini boleh diperolehi di 12 lokasi mahkamah syariah di Selangor dan orang ramai serta pelanggan tidak perlu beratur di kaunter hadapan mahkamah untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki.

“Kemudahan SOJ ini menyediakan dua jenis maklumat iaitu maklumat umum seperti paparan sejarah mahkamah syariah sehingga ke senarai borang yang digunakan untuk tujuan pendaftaran kes.

“Maklumat kedua ialah maklumat terhad yang terdiri daripada data berkaitan dengan kes sendiri seperti tarikh sebutan, percaraan dan status terkini kes di mahkamah syariah,” katanya pada majlis perasmian SOJ dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jakess 2008 di sini.

Perasmian SOJ disempurnakan di Timbalan Setiausaha Kerajaan Selangor (Pengurusan), Datuk Tarmedi Omar yang mewakili Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Zohdi berkata, bagi memastikan keselamatan dan kerahsiaan terjamin, maklumat mengenai kes yang sedang berjalan di mahkamah syariah hanya boleh diketahui dengan menggunakan MyKad mereka yang terbabit saja.

Kemudahan terminal SOJ itu juga membolehkan orang ramai dan pelanggan yang mahu menyemak status kes masing-masing di mahkamah syariah berdekatan, tanpa perlu ke mahkamah di mana kes mere-



TARMEDI menyentuh skrin ketika melancarkan Sistem Online Jakess di Bangunan Mahkamah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, semalam sambil diperhati Zohdi.

ka dibicarakan atau difailkan untuk menyemak status kes.

Selain itu, Zohdi berkata, Jakess juga sudah mengusahakan penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di setiap mahkamah syariah di

bawah bidang kuasanya.

Katanya, produk baru yang sudah dilancarkan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Zahid Hamidi minggu lalu diharap dapat menyelesaikan masalah membatalkan

perintah mahkamah syariah.

Pada masa sama, Zohdi berkata, Jakess berjaya mendapat lanjutan pengiktirafan MS ISO 9001:2000 daripada Sirim Berhad hingga 2010, hasil kerjasama senua kakitangan Jakess.